

Sektor pembinaan berkembang 14.2 peratus

Nilai kerja dalam sektor pembinaan melonjak sebanyak 14.2 peratus tahun ke tahun (y-o-y), berjumlah RM36.8 bilion pada suku pertama 2024 (S1 2024), kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM).

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata nilai kerja yang dilakukan dalam sektor pembinaan meneruskan trajektori menaik berbanding 6.8 peratus pada S4 2023.

Prestasi memberangsangkan ini disumbangkan oleh pengembangan lebih kukuh dalam subsektor kejuruteraan awam, iaitu pada 24.7 peratus berikutan peningkatan 18.0 peratus pada suku sebelumnya.

Selain itu, subsektor aktiviti pertukangan khas dan bangunan kediaman masing-masing mengalami peningkatan dua angka sebanyak 11.8 peratus dan 11.5 peratus.

"Pada masa yang sama, subsektor bangunan bukan kediaaman juga berkembang pada kadar yang lebih pantas sebanyak 3.8 peratus (S4 2023: 1.9 peratus)," katanya.

Mohd Uzir berkata daripada RM36.8 bilion, kejuruteraan awam berjumlah RM15.1 bilion atau 41.1 peratus didorong terutama oleh aktiviti pembinaan jalan raya dan landasan kereta api yang

menyumbang RM7.6 bilion.

"Nilai kerja yang dilakukan untuk bangunan bukan kediaaman dan bangunan kediaman masing-masing ialah pada RM10.2 bilion (27.7 peratus) dan RM7.8 bilion (21.1 peratus).

"Aktiviti pertukangan khas berjumlah RM3.7 bilion (10.0 peratus), sebahagian besarnya dalam pemasangan elektrik (RM1.1 bilion); pemasangan paip, pemana-

san dan penyaman udara (RM0.9 bilion) dan aktiviti penyediaan tapak (RM0.7 bilion)," katanya.

DOSM berkata sektor swasta kekal sebagai pemacu utama kepada pertumbuhan pada suku ini, dengan peningkatan sebanyak 10.1 peratus (S4 2023: 1.4 peratus).

Nilai kerja oleh sektor swasta berjumlah RM21.8 bilion atau 59.2 peratus daripada jumlah nilai kerja pembinaan.

Sebaliknya, nilai kerja oleh sektor awam mencapai RM15.0 bilion atau 40.8 peratus, yang mengelakkan pertumbuhan dua digit untuk tiga suku berturut-turut dengan mencatatkan 20.6 peratus pada suku ini.

DOSM menambah hampir 58.4 peratus daripada nilai kerja sektor pembinaan pada S1 2024 tertumpu di Selangor, Johor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) dan Sarawak.

BERNAMA

 Subsektor aktiviti pertukangan khas dan bangunan kediaman masing-masing mengalami peningkatan dua angka sebanyak 11.8 peratus dan 11.5 peratus 



Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan